



## NOTIS MAKLUMAN

### **PENAMBAHBAIKAN TAWARAN PERLINDUNGAN INSURANS/ TAKAFUL PEMILIKAN RUMAH JANGKA PANJANG (LTHO/ LTHT) BAGI PERMOHONAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN KAKITANGAN SEKTOR AWAM**

Dimaklumkan bahawa mulai 10 Mei 2025, LPPSA akan melancarkan penambahbaikan tawaran perlindungan Insurans/ Takaful Pemilikan Rumah Jangka Panjang (LTHO/ LTHT) bagi semua permohonan pembiayaan baharu.

Penambahbaikan ini **bertujuan memberi fleksibiliti kepada pemohon dalam memilih pakej perlindungan yang bersesuaian** dengan keperluan setiap pemohon, sama ada perlindungan **Pakej Asas** atau **Pakej Komprehensif**. Pakej perlindungan yang berbeza akan mempengaruhi amaun premium/sumbangan ditawarkan.

Skop perlindungan LTHO/ LTHT yang ditawarkan bagi setiap pakej adalah seperti berikut:

<b>Pakej Asas</b>	<b>Pakej Komprehensif</b>
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Kebakaran</li><li>2. Kilat</li><li>3. Letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik</li><li>4. Banjir</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Kebakaran</li><li>2. Kilat</li><li>3. Letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik</li><li>4. Banjir</li><li>5. Pecahan atau limpahan tangki air domestik atau paip</li><li>6. Ribut dan angin taufan</li><li>7. Gempa bumi atau letusan gunung berapi</li><li>8. Penenggelaman dan gelinciran tanah</li><li>9. Kerosakan oleh pokok tumbang atau dahan atau objek daripadanya</li></ol>

*Nota:*

*Maklumat di atas telah diringkaskan dan tidak menyeluruh. Pemohon dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Penerangan Produk yang terdapat di dalam sistem semasa permohonan.*

Skop perlindungan bagi MRTA/ MRTT masih kekal merangkumi manfaat **Kematian** dan **Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)**.

Semasa permohonan pembiayaan dilaksanakan, **pemohon perlu memilih satu pakej perlindungan yang bersesuaian** berdasarkan sebutharga yang ditawarkan oleh salah satu panel insurans/ takaful LPPSA. Rujuk **Lampiran 1** bagi gambaran ilustrasi paparan sistem. Pemohon adalah dinasihatkan untuk menyemak butiran maklumat produk bagi mendapatkan maklumat terperinci berkaitan skop perlindungan serta terma dan syarat sebelum membuat pilihan pakej.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada Pusat Panggilan LPPSA di talian **03-8880 1600** atau melalui Portal Pertanyaan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>

**9 MEI 2025**

Ilustrasi Paparan Sistem Permohonan Pembiayaan LPPSA

**Logo Panel A**

Asas		Komprehensif	
MRTT (RM)	LTHT (RM)	MRTT (RM)	LTHT (RM)
\$	\$	\$	\$
Maklumat Produk		Maklumat Produk	

**Logo Panel B**

Asas		Komprehensif	
MRTT (RM)	LTHT (RM)	MRTT (RM)	LTHT (RM)
\$	\$	\$	\$
Maklumat Produk		Maklumat Produk	

**Logo Panel C**

Asas		Komprehensif	
MRTT (RM)	LTHT (RM)	MRTT (RM)	LTHT (RM)
\$	\$	\$	\$
Maklumat Produk		Maklumat Produk	

**Logo Panel D**

Asas		Komprehensif	
MRTT (RM)	LTHT (RM)	MRTT (RM)	LTHT (RM)
\$	\$	\$	\$
Maklumat Produk		Maklumat Produk	